

UNTUK EDARAN SEGERA



KENYATAAN MEDIA

JABATAN PENDIDIKAN NEGERI SABAH KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

BANTUAN 10,000 KOMPUTER RIBA DARIPADA KERAJAAN NEGERI SABAH UNTUK MURID TINGKATAN 5 DAN 6

Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) Sabah amat menghargai inisiatif Kerajaan Negeri Sabah untuk mengagihkan bantuan 10,000 komputer riba menerusi Bantuan Ihsan Komputer (BAIK), sepertimana yang diumumkan oleh YAB Datuk Seri Hajiji bin Haji Noor, Ketua Menteri Sabah pada 8 Jun 2021.

Di bawah inisiatif ini, seramai 9,842 murid Tingkatan 5 dan 6 di sekolah bawah JPN Sabah dan 158 murid di sekolah bawah Sekolah Agama Negeri yang akan menduduki peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia, Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia dan Sijil Tinggi Agama Malaysia tahun 2021 akan menerima bantuan komputer riba. JPN Sabah bersama Pejabat Pendidikan Daerah dan sekolah di seluruh negeri akan memberikan kerjasama penuh kepada Kerajaan Negeri untuk mengenal pasti murid yang layak menerima bantuan tersebut.

JPN Sabah mengucapkan terima kasih di atas keprihatinan Kerajaan Negeri Sabah untuk bersama-sama memastikan murid terus mendapat akses pendidikan mengikut kesesuaian murid dan guru, khususnya dalam tempoh yang mencabar ini.

Terima kasih Kerajaan Negeri Sabah. Sabah Maju Jaya.

-TAMAT -

**JABATAN PENDIDIKAN NEGERI SABAH
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
9 JUN 2021**